



SIARAN MEDIA

AGENDA PEMERKASAAN KERAJAAN TEMPATAN JADI FOKUS UTAMA MEXCOPT 2024

PUTRAJAYA, 27 Januari 2024 – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming, telah mempengerusikan Mesyuarat Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri-Negeri (MEXCOPT) Tahun 2024 di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang berlangsung pada 23 Januari 2024 baru-baru ini.

Melalui MEXCOPT 2024 ini, YB KM telah memberi penekanan bagi menjayakan empat (4) agenda dan fokus seperti berikut;

1. Sebanyak 10 PBT rintis telah dipilih bagi cadangan penambahbaikan inisiatif baharu iaitu *Industrial Green Lane*, *Prerequisite* dan *Self-Regulation* bagi mengukuhkan kecekapan dan memperkemaskan proses serta prosedur One Stop Centre (OSC) 3.0 Plus dan seterusnya mewujudkan keseragaman bagi semua PBT. Secara keseluruhannya, pada tahun 2024, KPKT menyasarkan pelaksanaan inisiatif baharu ini bagi 50 PBT merangkumi 20 PBT bertaraf bandar raya dan 30 PBT lain.
2. Selain itu, dalam usaha mentransformasikan tandas awam seliaan PBT agar bertaraf Bersih, Menawan dan Wangi (BMW), KPKT sedang mempertimbangkan cadangan supaya lesen operasi tidak diperbaharui bagi premis yang gagal memperolehi sijil tandas bertaraf BMW. Inisiatif ini dicadangkan untuk dilaksanakan terlebih dahulu oleh PBT bertaraf bandar raya pada tahun 2024 dimana ia merupakan langkah persediaan bagi kempen Tahun Melawat Malaysia 2026.
3. Dalam usaha pembangunan 10,000 buah petak pengecasan kenderaan elektrik (EVCB) menjelang tahun 2025, KPKT memaklumkan bahawa Malaysia kini mempunyai 1,434 buah petak pengecasan kenderaan elektrik di seluruh negara.

YB Tuan Nga Kor Ming turut meminta kerjasama dari pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan untuk mempergiat usaha dari segi perancangan dan kelulusan bagi pembangunan EVCB di PBT.

4. KPKT juga telah memperkenalkan Inisiatif MyKiosk MADANI bertujuan memulihkan dan meningkatkan tahap ekonomi penjaja dan peniaga kecil melalui penyediaan ruang niaga yang seragam di lokasi yang dibenarkan, selamat dan merupakan tempat tumpuan awam. Bagi tahun 2024, sebanyak RM50 juta telah diperuntukkan di bawah Inisiatif Belanjawan 2024 untuk pelaksanaan MyKiosk 2.0.

YB KM turut berkata, sokongan dan komitmen tinggi daripada kesemua Exco-Exco negeri dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan diperlukan bagi memastikan agenda dan fokus KPKT dapat dijayakan demi manfaat dan kesejahteraan rakyat.

Mesyuarat Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan (MEXCOPT) yang diadakan secara tahunan merupakan platform untuk mewujudkan persefahaman dan kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri. Kerjasama ini melibatkan hal - hal berkaitan aspek perumahan, kerajaan tempatan, pemantauan pelaksanaan dan prestasi program serta projek pembangunan KPKT di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

Mesyuarat telah dihadiri oleh Exco Perumahan Kerajaan Tempatan Negeri - Negeri dan wakil Jabatan Wilayah serta wakil Kerajaan Negeri membuktikan komitmen dalam memastikan perancangan dan hala tuju Kerajaan Negeri bergerak seiring dengan Kerajaan MADANI demi semangat *stronger together*.

#MalaysiaMadani
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

